



LEMBAGA TENDER PUSAT NEGERI
D/A PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI
TINGKAT 14
WISMA BAPA MALAYSIA
PETRA JAYA
93502 KUCHING
SARAWAK

Telefon Am: 082-441957
Kawat: FINANCIAL KUCHING
Teleks: STAFIN MA70023
Fax: 082-442355/313245/449948

1892

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : CTB/8/51 (1)(12)
Tarikh : 23/12/2020

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Kerajaan Negeri
Semua Residen Bahagian

RECEIVED
DIRECTOR OF AGRICULTURE (HQ)
CACTUS - DOA/HQ/ 026
- 4 JAN 2021

SCAN	✓	ROUTED	✓
FILE			
REMARKS	Sr Acc.		

YBhg. Datuk / Datu / Tuan / Puan,

JADUAL TARIKH MESYUARAT LEMBAGA TENDER PUSAT NEGERI
DAN
TARIKH DAN MASA TUTUP TENDER PUSAT NEGERI BAGI TAHUN 2021

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sebagai panduan dan rujukan kepada semua Kementerian / Jabatan bersama ini disertakan sesalinan jadual mengenai perkara tersebut di atas seperti berikut:-

- 2.1 Jadual Tarikh Mesyuarat Lembaga Tender Pusat Negeri (**Lampiran I**); dan
- 2.2 Jadual Tarikh dan Masa Tutup Bagi Penerimaan Tender (**Lampiran II**)

3. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan urusan pengiklanan, pembukaan dan penilaian tender dilaksanakan dengan teratur dan efisien, Kementerian / Jabatan hendaklah melaksanakan perkara-perkara berikut:-

3.1 Pengesahan daripada Sekretariat Lembaga Tender Pusat Negeri melalui e-mel berkaitan Tarikh Tutup Tender yang boleh ditetapkan di dalam iklan Tender (Sila rujuk Lampiran II bagi maklumat Sekretariat yang boleh dihubungi)

- 3.1.1 **Sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum pengiklanan Tender dibuat, Agensi Pelaksana hendaklah merujuk dan mendapat pengesahan terlebih dahulu** daripada Sekretariat Lembaga Tender Pusat Negeri melalui e-mel berkaitan Tarikh Tutup Tender yang boleh ditetapkan di dalam Iklan Tender

**JADUAL TARIKH MESYUARAT LEMBAGA TENDER PUSAT NEGERI
DAN
TARIKH DAN MASA TUTUP TENDER PUSAT NEGERI BAGI TAHUN 2021 (Samb...)**

(Termasuk pengesahan tarikh yang telah ditetapkan di dalam Jadual Penutupan dan Pembukaan Tender Lembaga Tender Pusat Negeri bagi Tahun 2021 seperti di **Lampiran II**).

Ini adalah untuk memastikan yang jumlah Tender yang akan ditutup pada hari yang sama di Lembaga Tender Pusat Negeri adalah pada kadar yang minimum bagi mengawal kehadiran Petender yang terlalu ramai pada satu-satu masa dan memudahkan urusan pembukaan Tender.

- 3.1.2 Hanya setelah mendapat pengesahan daripada pihak Sekretariat Lembaga Tender Pusat Negeri melalui e-mel berkaitan Tarikh Tutup Tender yang hendak ditetapkan, maka pihak Agensi Pelaksana adalah dibenarkan untuk meneruskan dengan pengiklanan Tender tersebut.
- 3.1.3 Agensi Pelaksana juga hendaklah menyatakan di dalam Iklan Tender bahawa Petender adalah dikehendaki untuk mengemukakan Dokumen Tender **lebih awal dari Tarikh dan Masa Tutup** yang ditetapkan untuk mengelakkan kesukaran dan kesulitan yang akan dihadapi oleh Petender semasa berurusan untuk mengemukakan Dokumen Tender pada hari Tender ditutup.

Ini adalah berikutan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi oleh pelawat sebelum memasuki premis kerajaan dan bagi memastikan Petender dapat mengemukakan Dokumen Tender sebelum Tarikh dan Masa Tutup Tender.

Sehubungan itu, peraturan seperti berikut boleh dijadikan panduan untuk dinyatakan di dalam Iklan Tender :

*" Petender adalah dikehendaki untuk mengemukakan Dokumen Tender **lebih awal dari Tarikh dan Masa Tutup** yang ditetapkan untuk mengelakkan kesukaran dan kesulitan semasa berurusan untuk mengemukakan Dokumen Tender pada hari Tender ditutup.*

115 *[Signature]*

REMARKS	Semua Account
REMARKS	
REMARKS	
REMARKS	
REMARKS	05 JAN 2021
REMARKS	
REMARKS	
REMARKS	
REMARKS	
REMARKS	

**JADUAL TARIKH MESYUARAT LEMBAGA TENDER PUSAT NEGERI
DAN
TARIKH DAN MASA TUTUP TENDER PUSAT NEGERI BAGI TAHUN 2021 (Samb...)**

Ini adalah berikutan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi oleh pelawat sebelum memasuki premis kerajaan dan bagi memastikan Petender dapat mengemukakan Dokumen Tender sebelum Tarikh dan Masa Tutup Tender.

Kementerian / Jabatan tidak akan bertanggungjawab sekiranya Petender gagal / lewat untuk mengemukakan Dokumen Tender pada masa dan tarikh yang ditetapkan disebabkan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi sebelum memasuki premis kerajaan ".

- 3.1.4 Sekiranya pihak Agensi Pelaksana **sudah menetapkan** Tarikh Tutup Tender atau **tidak mengesahkan** kepada Sekretariat Lembaga Tender Pusat Negeri terlebih dahulu berkaitan Tarikh Tutup Tender yang ingin ditetapkan **sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum pengiklanan Tender dibuat**, maka pihak Lembaga Tender Pusat Negeri berhak untuk menunda Tarikh Tutup Tender tersebut ke satu tarikh yang lain.
- 3.1.5 Sekiranya perkara tersebut di perenggan 3.1.4 berlaku, pihak Agensi Pelaksana adalah dikehendaki untuk memaklumkan kepada Petender yang telah mengambil tender akan penundaan tarikh tersebut **melalui surat secara bertulis, mengiklankan dalam sekurang-kurangnya satu (1) akhbar tempatan harian utama Bahasa Melayu dan melalui kaedah-kaedah lain yang bersesuaian** tentang penangguhan Tarikh Tutup Tender tersebut.

3.2 Notis Pengiklanan Tender

- 3.2.1 **Satu (1) set notis pengiklanan** tender yang berkaitan hendaklah dikemukakan kepada pejabat ini **sebelum notis pengiklanan tender diiklankan ;**
- 3.2.2 Tender hendaklah diiklankan dalam sekurang-kurangnya **satu (1) akhbar tempatan harian utama Bahasa Melayu ;**
- 3.2.3 Notis pengiklanan tender juga hendaklah diiklankan di dalam **e-Tender Notices** di laman sesawang Kerajaan Negeri di alamat **www.sarawak.gov.my** bagi menambah penyertaan petender dan mendapat harga yang lebih kompetitif ;

**JADUAL TARIKH MESYUARAT LEMBAGA TENDER PUSAT NEGERI
DAN
TARIKH DAN MASA TUTUP TENDER PUSAT NEGERI BAGI TAHUN 2021 (Samb...)**

- 3.2.4 Tempat dan alamat penyerahan dokumen tender hendaklah dinyatakan dengan notis pengiklanan tender seperti berikut:-

**Pengerusi,
Lembaga Tender Pusat Negeri,
d/a Bahagian Perolehan,
Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri,
Tingkat 14, Wisma Bapa Malaysia,
Petra Jaya, 93502 KUCHING**

- 3.2.5 Kementerian / Jabatan hendaklah memastikan hanya tender bekalan / perkhidmatan / kerja yang **bernilai melebihi RM2,000,000.00 sahaja (berdasarkan harga anggaran jabatan)** yang dikemukakan kepada Lembaga Tender Pusat Negeri ; dan
- 3.2.6 Tempoh pengiklanan tender hendaklah ditetapkan **sekurang-kurangnya 14 hari berturut-turut** dari tarikh pengiklanan.

3.3 Penyerahan dan Penerimaan Anggaran Kos / Harga

- 3.3.1 Kementerian / Jabatan hendaklah menyediakan anggaran kos / harga bagi setiap tender ;
- 3.3.2 **Anggaran kos / harga tender** hendaklah dimasukkan menggunakan **sampul surat ke dalam peti tawaran sebelum tarikh dan masa tutup tender**. Sampul surat tersebut hendaklah dicatatkan **nombor, tajuk tender** serta perkataan **"SULIT"**; dan
- 3.3.3 Kementerian / Jabatan digalakkan untuk membawa rekod senarai penjualan tender untuk rujukan semasa pembukaan tender dibuat.

3.4 Laporan Penilaian Tender

- 3.4.1 Laporan Penilaian Tender hendaklah disiapkan dan dikemukakan kepada **Lembaga Tender Pusat Negeri** untuk pertimbangan dan keputusan dalam tempoh **tiga puluh (30) hari dari tarikh tutup tender** ;

**JADUAL TARIKH MESYUARAT LEMBAGA TENDER PUSAT NEGERI
DAN
TARIKH DAN MASA TUTUP TENDER PUSAT NEGERI BAGI TAHUN 2021 (Samb...)**

- 3.4.2 Tujuh (7) set Laporan Penilaian Tender beserta perakuan Kementerian / Jabatan berkenaan termasuk laporan Juruperunding (jika berkaitan) hendaklah dikemukakan kepada Pengerusi Lembaga Tender Pusat Negeri **sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum mesyuarat** Lembaga Tender Pusat Negeri diadakan ;
- 3.4.3 Semua maklumat berkenaan sesuatu tender termasuk tawaran harga dan penilaian tender hendaklah diklasifikasikan sebagai **"SULIT"** dan tidak boleh disebarkan kepada mana-mana pihak yang tidak terlibat dalam urusan tender sebelum keputusan muktamad dibuat ;
- 3.4.4 Pegawai Pengawal / Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan tentang keperluan merahsiakan maklumat dan kedudukan sesuatu tender kepada pegawai yang berkenaan di bawah arahan pentadbirannya. Rujukan hendaklah dibuat kepada peruntukan **Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88)** dan **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)** ;
- 3.4.5 Laporan Penilaian Tender hendaklah disediakan mengikut peraturan yang ditetapkan dalam **Tatacara Perolehan Kerajaan Negeri (Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil. 07/2017)** dan dikemukakan mengikut **Format Laporan Penilaian Tender** seperti di **Lampiran A27**.

Sekian, terima kasih.

**"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"**



[MOHAMAD SUKRI BIN KANA]

Setiausaha

Lembaga Tender Pusat Negeri ...
SARAWAK

- s.k: (i) YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Sarawak
(ii) Akauntan Negeri, Sarawak
(iii) Pengarah Kerja Raya, Sarawak
-] Sebagai Ahli Tetap Lembaga
] Tender Pusat Negeri (Sarawak)

**JADUAL TARIKH MESYUARAT
LEMBAGA TENDER PUSAT NEGERI (SARAWAK) TAHUN 2021**

TARIKH	HARI	MASA
28 JANUARI 2021	KHAMIS	9.00 PAGI
25 FEBRUARI 2021	KHAMIS	9.00 PAGI
25 MAC 2021	KHAMIS	9.00 PAGI
29 APRIL 2021	KHAMIS	9.00 PAGI
20 MEI 2021	KHAMIS	9.00 PAGI
24 JUN 2021	KHAMIS	9.00 PAGI
29 JULAI 2021	KHAMIS	9.00 PAGI
26 OGOS 2021	KHAMIS	9.00 PAGI
23 SEPTEMBER 2021	KHAMIS	9.00 PAGI
21 OKTOBER 2021	KHAMIS	9.00 PAGI
25 NOVEMBER 2021	KHAMIS	9.00 PAGI
16 DISEMBER 2021	KHAMIS	9.00 PAGI

**JADUAL TARIKH DAN MASA TUTUP BAGI PENERIMAAN TENDER
LEMBAGA TENDER PUSAT NEGERI (SARAWAK) TAHUN 2021**

BULAN	TARIKH	HARI	MASA TUTUP	MASA BUKA
JANUARI	06/01/2021	RABU	12.00 TENGAHARI	2.30 PETANG
	20/01/2021	RABU	12.00 TENGAHARI	2.30 PETANG
FEBRUARI	03/02/2021	RABU	12.00 TENGAHARI	2.30 PETANG
	17/02/2021	RABU	12.00 TENGAHARI	2.30 PETANG
MAC	03/03/2021	RABU	12.00 TENGAHARI	2.30 PETANG
	17/03/2021	RABU	12.00 TENGAHARI	2.30 PETANG
APRIL	07/04/2021	RABU	12.00 TENGAHARI	2.30 PETANG
	21/04/2021	RABU	12.00 TENGAHARI	2.30 PETANG
MEI	05/05/2021	RABU	12.00 TENGAHARI	2.30 PETANG
	19/05/2021	RABU	12.00 TENGAHARI	2.30 PETANG
JUN	09/06/2021	RABU	12.00 TENGAHARI	2.30 PETANG
	23/06/2021	RABU	12.00 TENGAHARI	2.30 PETANG
JULAI	07/07/2021	RABU	12.00 TENGAHARI	2.30 PETANG
	14/07/2021	RABU	12.00 TENGAHARI	2.30 PETANG
OGOS	04/08/2021	RABU	12.00 TENGAHARI	2.30 PETANG
	18/08/2021	RABU	12.00 TENGAHARI	2.30 PETANG
SEPTEMBER	08/09/2021	RABU	12.00 TENGAHARI	2.30 PETANG
	22/09/2021	RABU	12.00 TENGAHARI	2.30 PETANG
OKTOBER	06/10/2021	RABU	12.00 TENGAHARI	2.30 PETANG
	20/10/2021	RABU	12.00 TENGAHARI	2.30 PETANG
NOVEMBER	03/11/2021	RABU	12.00 TENGAHARI	2.30 PETANG
	17/11/2021	RABU	12.00 TENGAHARI	2.30 PETANG
DISEMBER	01/12/2021	RABU	12.00 TENGAHARI	2.30 PETANG
	15/12/2021	RABU	12.00 TENGAHARI	2.30 PETANG

* Jika Tarikh Tutup Tender dicadangkan diistiharkan Hari Cuti Umum, maka Tarikh Tutup Tender adalah ditunda / dijadualkan ke hari berikutnya.

Sekretariat Lembaga Tender Pusat Negeri yang boleh dihubungi :

- 1) Durbvin Belli (082-313514, durbvinb@sarawak.gov.my)
- 2) Dayang Afiqah Abang Mohamad Shibli (afiqahams@sarawak.gov.my)
- 3) Ibnu Hibri Hibban (ibnuhibri@sarawak.gov.my)